



**KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI AGAMA MALAYSIA
TAHUN 2021**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) Tahun 2021 akan dikeluarkan pada **30 Jun 2022 (Khamis)**.

Calon sekolah boleh mendapatkan keputusan peperiksaan STAM daripada sekolah masing-masing mulai **pukul 10.00 pagi** pada 30 Jun 2022. Bagi calon persendirian, slip keputusan peperiksaan STAM akan dihantar melalui pos pada 30 Jun 2022.

Di samping itu, calon sekolah dan calon persendirian juga boleh membuat semakan keputusan melalui kaedah berikut:

- i. secara dalam talian di pautan **myresultstam.moe.gov.my** untuk mendapatkan slip keputusan peperiksaan STAM 2021 mulai **pukul 10.00 pagi** pada 30 Jun 2022 sehingga pukul 6.00 petang pada 6 Julai 2022; dan/atau

- ii. secara **sistem pesanan ringkas (SMS)** untuk mendapatkan rumusan keputusan peperiksaan STAM 2021 dengan menaip **STAM<jarak>NoKP<jarak>AngkaGiliran** dan hantar ke **15888**. Sistem ini akan diaktifkan mulai **pukul 10.00 pagi** pada 30 Jun 2022 sehingga pukul 6.00 petang pada 6 Julai 2022.

KPM sentiasa komited untuk terus melaksanakan yang terbaik.

-TAMAT -

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
23 JUN 2022**